

BAB KETIGA

SUBJEK DAN PREDIKAT

3.0 Pendahuluan

Struktur ayat di dalam bahasa Arab terdapat dua jenis, iaitu struktur al-Jumlat al-khabariyyat/Pernyataan (الخَبَرِيَّة) dan struktur al-Jumlat al-Insya'iyyat/Tindakan (الإنشائية).

Al-Jumlat al-khabariyyat/Pernyataan adalah ayat yang boleh dikatakan bagi sesuatu pengucapan itu benar atau dusta. Sekiranya pengucapan itu didapati ada persamaan dengan sesuatu yang sebenar, maka pengucapan itu adalah benar, manakala sekiranya pengucapan itu tidak didapati apa-apa persamaan dengan sesuatu kebenaran, maka ia adalah disebut pengucapan yang dusta.

Al-Jumlat al-al-khabariyyat/Pernyataan dalam struktur bahasa Arab terdapat dua bentuk iaitu al-Jumlat al-Fi'liyyat/Ayat Kerjaan (الجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ) dan al-Jumlat al-Ismiyyat/Ayat Namaan (الجُمْلَةُ الْاِسْمِيَّةُ). Al-Jumlat al-Fi'liyyat adalah ayat yang terdiri daripada kata kerja (الْفِعْلُ) dengan pelaku (الْفَاعِلُ) atau ditambahkan lagi dengan kata penyambut atau objek (الْمَفْعُولُ بِهِ).

Al-Jumlat al-Ismiyyat pula adalah ayat yang terdiri daripada mubtada'/subjek (الْمُبْتَدَأُ) dan khabar/predikat (الْخَبْرُ). Mengikut Si:bawayh, ia mengatakan bahawa subjek dan predikat adalah kedua-duanya seolah-olah kalimah yang satu (Abduh al Rajihi 1985:78).

3.1 Subjek Dan Predikat Dalam Bahasa Arab

3.1.1 Mubtada' (المُبْتَدَأُ)

Ahli linguistik Arab bersepakat tentang pengertian mubtada'/subjek (المُبْتَدَأُ), cuma terdapat perbezaan dikalangan mereka tentang penerangan atau definisi pengistilahan yang digunakan mengikut konteks ilmu masing-masing. Menurut Fu'a:d Ni'mah (tt:27) mubtada' ialah Kata Nama Nominatif (مَرْفُوعٌ) yang berada di awal ayat (الْجُمْلَةُ). Manakala menurut I'mad Ha:tim (1980:417) mubtada' adalah Kata Nama Nominatif yang diceritakan tentangnya (مُتَحَدِّثٌ عَنْهُ) dan ianya terletak di awal ayat secara kebiasaannya.

Bagi Syeikh Mustafa al-Ghala:yiniyy (1987:253) berpendapat bahawa mubtada' adalah apa yang disandarkan kepadanya (مُسْنَدٌ إِلَيْهِ) dan tidak didahului oleh agen pengubah (عَامِلٌ). Mengikut pendapat 'Abba:s Ha:ssan (tt:442) pula, mubtada' ialah Kata Nama Nominatif yang berada di awal ayat dan tersembunyi daripada agen pengubah nyata yang asal dan dihukum ke atasnya dengan sesuatu perkara.

Maka perbezaan istilah mubtada' tidaklah menjejaskan konsep subjek dalam kedudukannya di dalam struktur ayat tetapi hanya dalam penggunaan istilah sahaja.

3.1.1.1 Jenis-jenis Mubtada'

Mubtada' di dalam struktur bahasa Arab dibentuk daripada dua jenis, iaitu:

- i- Mubtada' yang *memerlukan* kehadiran khabar
- ii- Mubtada' yang *tidak memerlukan* kehadiran khabar

1. Mubtada' Yang Memerlukan Khabar

Dalam struktur ayat bahasa Arab ini, mubtada' memerlukan kepada kehadiran dan kewujudan khabar supaya struktur ayat ini lengkap dan sempurna. Mubtada' tersebut adalah :

a-Ism al-Sari:h (الاسم الصريح)/Kata Nama Asli

Ism al-Sari:h dari sudut bahasa ialah *terang* iaitu keluar daripada sebarang kekaburan dan dari sudut istilah pula ialah kata nama yang nyata (الاسم الظاهر) yang tidak berhajat kepada andaian lain.

Mubtada' yang dibentuk dari Ism al-Sari:h ini mesti mempunyai khabar. Kehadiran khabar bersama adalah untuk menerangkan kedudukan mubtada' supaya struktur ayat itu lengkap dan sempurna serta memberi makna yang betul dan tepat.

Contoh :

زِيَادٌ جَالِسٌ	
Ziya:d duduk	
mubtada'	khabar
زِيَادٌ	جَالِسٌ

b-Ism al-Ta'wil (الاسم المؤول)

Mubtada' yang dibentuk dengan kata nama ini perlu kepada kehadiran khabar, dan ia terbentuk daripada gabungan partikel (أَنْ) dan kata kerja (الْفِعْلُ) yang boleh diubah kepada

bentuk *Ism al-Sarih*/Kata Nama Asli.

Contoh :

وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ <i>Dan berpuasa itu baik bagi kamu</i>	
mubtada‘	khabar
أَنْ تَصُومُوا	خَيْرٌ لَكُمْ
صَوْمَكُمْ	خَيْرٌ لَكُمْ
Puasa kamu itu	baik bagi kamu

c-*Ism al-Mabniyy* (الاسْمُ الْمَبْنِيّ) /Kata Nama Statik

Ia menjadi mubtada‘ dalam sesuatu ayat dan memerlukan kehadiran khabar untuk menyempurnakan ayat dan memberikan makna tertentu. *Ism al-Mabniyy*/Kata Nama Statik yang menjadi mubtada‘ ialah :

i- *Al-Dhama:ir* (الضَّمَائِرُ) /Kata Ganti Nama

Al-Dhama:ir kata tunggalnya *al-dhami:r* adalah tergolong dalam kumpulan *al-ism al-mabniyy*/Kata Nama Statik dan ianya boleh menjadi mubtada‘. Mengikut *al-A’lamah* Abu al-Naja: (tt:58), *al-dhami:r* yang menjadi mubtada‘ mestilah terdiri daripada *al-dhami:r al-munfasil* (الضَّمَائِرُ الْمُنْفَصِلَةُ) /Kata Ganti Nama Terpisah, kerana *al-dhami:r* al-

muttasil (الضَّمَائِرُ الْمُتَّصِلَةُ)/Kata Ganti Nama Bersambung tidak boleh dijadikan muftada'.

Al-dhami:r al-munfasil juga perlu kepada kehadiran khabar di dalam ayat supaya susunan ayat menjadi lengkap dan memberi makna tertentu.

Contoh :

أَنْتَ صَائِمٌ	
Kamu berpuasa	
muftada'	khabar
أَنْتَ	صَائِمٌ
Kamu	berpuasa

ii- **Ism al-Isya:raṭ (اسمُ الإِشَارَةِ)/ Kata Nama Penunjuk**

Ism al-Isya:raṭ boleh dibentuk menjadi muftada' dalam struktur ayat bahasa Arab, tetapi ianya juga berhajat kepada kedatangan khabar supaya ayatnya menjadi lengkap dan sempurna.

Contoh :

هَذَا أَخُوكَ	
Ini adalah saudara lelakimu	
muftada'	khabar

هَذَا	أَخُوكَ
Ini	saudara lelakimu

iii- Ism al-Mawsu:l (الاسم الموصول)/Kata Nama Penghubung

Kata nama ini adalah sebahagian daripada golongan Ism al-Mabni:yy/Kata Nama Statik yang boleh dijadikan mubtada'. Maka subjek yang terbentuk dari kata nama ini juga memerlukan khabar sebagai pelengkap sesuatu struktur ayat bahasa Arab.

Contoh :

الَّذِي نَجَحَ فِي الامْتِحَانِ هُوَ صَدِيقُكَ	
<i>Yang berjaya di dalam peperiksaan adalah kawanmu</i>	
mubtada'	khabar
الَّذِي (نَجَحَ فِي الامْتِحَانِ)	هُوَ صَدِيقُكَ
Yang (berjaya di dalam peperiksaan)	adalah kawanmu

iv- Ism al-Syarat (اسم الشرط)/Kata Nama Syarat

Ia juga termasuk dalam golongan Ism al-Mabni:yy/Kata Nama Statik dan mubtada' yang menggunakan kata nama ini berhajat kepada kewujudan khabar untuk menjadikan struktur ayat itu lengkap dan sempurna.

Contoh :

مَنْ يَجْتَهِدْ يَنْجَحْ	
<i>Sesiapa bersungguh-sungguh akan berjaya</i>	
mubtada‘	khabar
مَنْ (بِجْتَهِدْ)	يَنْجَحْ
Sesiapa (bersungguh-sungguh)	akan berjaya

2. Mubtada' Yang Tidak Memerlukan Khabar

Dalam struktur ayat bahasa Arab, terdapat mubtada' yang tidak memerlukan kepada kewujudan khabar sebagai pelengkap, bahkan menggantikannya dengan ayat lain yang lebih tepat dan sempurna untuk menyampaikan maksud tertentu.

Perkataan yang menggantikan khabar itu adalah Kata Nama Nominatif (مَرْفُوعٌ) yang berfungsi sebagai pelaku (الْفَاعِلُ) atau pengganti pelaku (نَائِبُ الْفَاعِلِ) bagi pihak khabar.

Mubtada' dalam bentuk ini memerlukan kepada pendepanan *kata tanya* (الاسْتِفْهَامُ) dan *kata nafi* (النَّفْيُ). Menurut Abba:s Ha:ssan (1987:444) menyatakan bahawa mubtada' tersebut juga terdiri daripada kata sifat indifinit (التَّكْرَةُ).

Contoh :

مَا صَائِمٌ صَدِيقُكَ
<i>Tidak berpuasa kawanmu itu</i>

mubtada‘	khobar
مَا صَائِمٌ	صَدِيقُكَ
(Tidak) berpuasa	kawanmu itu

3.1.1.2 Ciri-ciri Mubtada‘

Di dalam membina struktur ayat bahasa Arab yang betul dan tepat, maka perlulah kita mengenali sebaik-baiknya pengertian mubtada‘ dan jenis-jenisnya. Ini adalah kerana perkara-perkara tersebut mempunyai kaitan yang rapat dengan pembinaan mubtada‘ seterusnya melengkapkan sesuatu struktur ayat bahasa Arab. Oleh itu, pembentukan mubtada‘ di dalam bahasa Arab ini mempunyai ciri-ciri tersendiri. Antaranya ialah :

a-Al-Ism (الاسم)/Kata Nama

Mubtada‘ yang terbentuk di dalam struktur ayat bahasa Arab adalah terdiri daripada kata nama, sama ada ia menunjukkan kepada manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda, tempat dan sebagainya.

Contoh :

Mubtada‘	Khabar	Makna
مُحَمَّدٌ	صَدِيقُكَ	<i>Muhammad</i> kawanmu
الطَّائِرُ	يَطِيرُ فِي السَّمَاءِ	<i>Burung</i> terbang di langit
الْبَيْتُ	جَمِيلٌ	<i>Rumah</i> itu cantik

Dari contoh di atas, kita akan dapati bahawa sesuatu muftada' itu terbentuk dari kata nama sahaja, bukan dari kata kerja (**الفعل**) mahupun partikel (**الحرف**).

b-Al-Ma'rifaṭ (**المعرفة)/Kata Nama Difinit**

Muftada' yang terbentuk dari al-Ma'rifaṭ ini adalah terdiri daripada kata nama manusia, kata nama tempat, penambahan (**ال**) pada awal perkataannya, al-mawṣu:l (**الاسم**)/Kata Nama Penghubung, ism al-Isya:raṭ (**الإشارة**)/Kata Nama Tunjuk dan al-dhama:ir (**الضمائر**)/Kata Ganti Nama.

Contoh :

Muftada'	Khabar	Makna
أحمدُ	صديقك	Ahmad kawanmu
ذَلِكَ الطَّائِرُ	يَطِيرُ فِي السَّمَاءِ	Itu burung terbang di langit
الْبَيْتُ	جَمِيلٌ	Rumah itu cantik
كُوَالَا لُمْفُور	عَاصِمَةٌ	Kuala Lumpur adalah ibu negara
الَّذِي (يَجْتَهِدُ)	يَنْجِحُ	Yang (berusaha) akan berjaya
هُوَ	طَالِبٌ	Dia seorang pelajar

Terdapat Kata Nama Indifinit (التَّكْرَةُ) yang menjadi muftada' di dalam struktur bahasa Arab, iaitu dengan syarat Kata Nama Indifinit tersebut hendaklah disandarkan (الإضافة) kepada kata nama lain dan yang disifatkan atau mempunyai sifat (الصِّفَةُ وَالْمَوْصُوفُ).

Contoh :

Muftada'	Khabar	Makna
غُرْفَةُ الْمُدِيرَةِ	جَمِيلَةٌ	<i>Bilik pengetua itu cantik</i>
مَكْتَبَةُ الْمَدْرَسَةِ	وَأَسِعَةٌ	<i>Perpustakaan sekolah luas</i>
الْمُعَلِّمُ الْكَرِيمُ	حَاضِرٌ	<i>Guru yang baik itu datang</i>

Berdasarkan contoh di atas, perkataan (غُرْفَةٌ) dan (مَكْتَبَةٌ) adalah Kata Nama Indifinit (التَّكْرَةُ) dan kedua-duanya disandarkan kepada kata nama yang lain iaitu (الْمُدِيرَةُ) dan (الْمَدْرَسَةُ) yang berbentuk difinit. Persandaran ini menyebabkan kata nama yang indifinit (التَّكْرَةُ) tadi akan menjadi difinit (الْمَعْرِفَةُ) dengan adanya persandaran (الإضافة) atau penggabungan antara dua kata nama (الصِّفَةُ وَالْمَوْصُوفُ).

c-Al-Mufrad (الْمَفْرَدُ)/Kata Tunggal

Menurut pendapat Abduh al-Raji:hi: (1985:80), muftada' tidak hadir dalam bentuk

rangkap tetapi ia berbentuk kata tunggal. Walaupun terdapat beberapa perkataan yang menduduki di tempat subjek, namun ia masih dianggap sebagai kata tunggal.

Contoh :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَفْضَلُ الْقَوْلِ <i>Tiada tuhan melainkan Allah adalah sebaik-baik ucapan</i>	
mubtada‘	khabar
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ	أَفْضَلُ الْقَوْلِ

Dalam contoh di atas, kita dapati bahawa mubtada‘ terdiri daripada beberapa perkataan di dalamnya (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ), namun kedudukannya adalah tunggal kerana kehadirannya bukan dalam bentuk ayat atau separa ayat. Jika dibuangkan salah satunya daripada mubtada‘ tersebut, maka susunan itu mendatangkan makna yang tidak sempurna dan terpesong.

Mubtada‘ di dalam struktur ayat bahasa Arab dibentuk daripada agen pengubah tak nyata, iaitu agen yang datang dalam bentuk bukan zahir. Kita akan dapati bahawa mubtada‘ di dalam sesuatu ayat tidak didahului dengan perkataan yang lain didepannya.

Contoh :

السَّيَّارَةُ كَبِيرَةٌ <i>Kereta itu besar</i>	
mubtada‘	khabar

السَّيَّارَةُ	كَبِيرَةٌ
---------------	-----------

Maka dari contoh di atas, dapat kita huraikan bahawa kata nama (السَّيَّارَةُ) adalah muftada' yang tidak ada perkataan yang datang sebelumnya. Agen yang ada pada muftada' itu adalah agen yang tak nyata. Kata nama yang menjadi muftada' itu adalah terselamat dari daripada agen tak nyata melainkan didapati di hadapannya terdapat huruf-huruf tambahan.

Contoh :

بِحَسْبِكَ رِيغَيْتٌ <i>Cukuplah bagimu satu ringgit</i>	
muftada'	khobar
بِحَسْبِكَ	رِيغَيْتٌ

d-Al-Raf' (الرَّفْعُ)/Kasus Nominatif

Muftada' menerima tanda kasus nominatif, sama ada tanda kasus itu datang dalam bentuk nyata (الظَّاهِرَةُ) mahupun tidak nyata (المُقَدَّرَةُ), ataupun muftada' itu di tempat nominatif (فِي مَحَلِّ الرَّفْعِ).

Contoh :

الْبَيْتُ وَاسِعٌ / هَذَا طِفْلٌ <i>Ini ka:nak-ka:nak /Rumah itu luas</i>	
mubtada‘	khabar
الْبَيْتُ هَذَا	وَاسِعٌ طِفْلٌ

Berdasarkan contoh di atas, kita dapati pada kata nama (الْبَيْتُ) terdapat tanda kasus nominatif yang nyata iaitu al-dhammah (الضَّمَّةُ), manakala pada ayat kedua, didapati kata nama penunjuk (هَذَا) menerima kasus nominatif secara tak nyata (الْمَقْدَرَةُ). Di sini menunjukkan bahawa mubtada‘ hanya menerima kasus nominatif sahaja, sama ada secara nyata ataupun tidak nyata, dan tidak menerima kasus akusatif (النَّصْبُ) dan kasus genatif (الْجَرُّ).

3.1.2 Khabar (الْخَبَرُ)

Di dalam membentuk satu struktur binaan ayat bahasa Arab yang lengkap dan tepat, maka sesuatu mubtada‘ (الْمُبْتَدَأُ)/subjek itu hendaklah dilengkapi dengan khabarnya (الْخَبَرُ)/predikat. Oleh itu, khabar merupakan sebahagian daripada Ayat Namaan dalam struktur bahasa Arab. Kewujudan dan kehadirannya amat penting untuk menjadikan sesuatu struktur

ayat itu sempurna dan lengkap serta memberikan maksud tertentu.

Terdapat beberapa pendapat di kalangan ahli linguistik Arab dalam memberikan takrif dan pengertian khabar, antaranya ialah :

- i- Menurut Fu'a:d Ni'mah (tt:30) khabar ialah *perkataan yang menyempurnakan makna mubtada', supaya struktur ayat itu lengkap dan sempurna.*
- ii- Manakala menurut 'Abduh al-Raji:hi: (1985:93), khabar adalah *satu rukun asasi yang menyempurnakan struktur ayat bersama mubtada' dan kasusnya adalah nominative (الرَّفْعُ) seperti mubtada'.*
- iii- Menurut 'Imad Ha:tim (1980:417) khabar adalah *perkataan yang menceritakan tentang subjek.*
- iv- Mengikut Syeikh Mustafa: al-Ghala:yini (1987:254), khabar adalah *perkataan yang menerangkan tentang mubtada' untuk menyempurnakan struktur ayat.*

Maka di sini kita dapati perbezaan pengertian mengenai khabar adalah berpunca dari latar belakang bidang-bidang ilmu yang berbeza. Namun begitu, khabar adalah cerita yang memberikan keterangan atau penjelasan terhadap mubtada' di dalam sesuatu binaan ayat yang sempurna.

3.1.2.1 Jenis-jenis Khabar

Khabar merupakan salah satu asas penting di dalam pembentukan sesuatu *al-Jumlat al-Ismiyyat* yang sempurna dan tepat. Kewujudannya di dalam struktur ayat bahasa Arab

terbagi kepada tiga jenis, yaitu:

a-Khabar Mufrad (الخبْرُ المَفْرَدُ)/Predikat Kata Tunggal

Ia merupakan satu bentuk khabar yang datang secara tunggal dengan satu perkataan atau lebih, tetapi ianya bukan ayat (الْجُمْلَةُ) atau separa ayat (شِبْهُ الْجُمْلَةِ). Oleh itu, khabar jenis ini mestilah mempunyai persamaan dengan muftada‘ dari sudut genus (الجِنْسُ) dan juga bilangan (العَدَدُ).

Genus (الجِنْسُ) di dalam bahasa Arab terdiri daripada maskulin (مُذَكَّرٌ) dan juga feminin (مُؤَنَّثٌ). Manakala dari sudut bilangan (العَدَدُ), di dalam bahasa Arab terdapat tiga bentuk, iaitu bentuk kata tunggal (المَفْرَدُ), bentuk kata dual (المُتَنَبِّئِ) dan juga bentuk kata jama‘ (الْجَمْعُ). Oleh itu setiap khabar hendaklah sama bentuknya dengan muftada‘ sama ada dari segi genusnya mahupun bilangan.

Contoh :

Muftada‘	Khabar	Makna
المُعَلِّمُ	مُجْتَهِدٌ	Seorang guru lelaki itu <i>rajin</i> .
المُعَلِّمَةُ	مُجْتَهِدَةٌ	Seorang guru perempuan itu <i>rajin</i> .
المُعَلِّمَانِ	مُجْتَهِدَانِ	Dua orang guru lelaki itu <i>rajin</i> .

المُعَلِّمَاتِ	مُجْتَهِدَاتٍ	Dua orang guru perempuan itu <i>rajin</i> .
المُعَلِّمُونَ	مُجْتَهِدُونَ	Guru-guru lelaki itu <i>rajin-rajin</i> .
المُعَلِّمَاتُ	مُجْتَهِدَاتٌ	Guru-guru perempuan itu <i>rajin-rajin</i> .

Contoh di atas dapat diuraikan bahawa khabar akan berubah mengikut keadaan muftada'nya. Jika diperhatikan dari sudut genus, didapati bahawa apabila muftada' tersebut maskulin, maka khabarnya juga akan berubah kepada maskulin. Begitu juga jika muftada'nya feminin, maka khabarnya juga akan berubah kepada feminin.

Manakala dari sudut bilangan pula, khabar juga akan mengikut perubahan yang berlaku pada muftada', iaitu jika muftada'nya tunggal, maka khabarnya juga tunggal. Begitu juga ketika muftada' dalam keadaan dual atau jama', maka khabarnya juga dalam keadaan dual dan jama'.

Khabar bentuk tunggal ini boleh *menyalahi syarat* yang dikenakan di atas, iaitu apabila muftada' dalam keadaan jama' bagi benda yang tidak berakal, maka khabar boleh wujud dalam bentuk tunggal feminin (مُفْرَدٌ مُؤَنَّثٌ) ataupun kata jama feminin (جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ)

(السَّالِمِ), sebagaimana contoh di bawah :

Contoh :

Muftada'	Khabar	Makna
الْكِتَابُ	رَخِيصَةٌ	Buku-buku itu <i>murah</i> .
الْكِتَابُ	رَخِيصَاتٌ	Buku-buku itu <i>murah-murah</i> .

Khabar tunggal di dalam bahasa Arab juga terdapat dua jenis, iaitu kata tunggal statik (مُفْرَدٌ حَامِدٌ) dan juga kata tunggal terbitan (مُفْرَدٌ مُشْتَقٌّ).

Contoh :

Mubtada‘	Khabar	Makna
هَذَا	قَلَمٌ	Ini sebatang <i>pen</i> .
الْأَبُ	مُعَلِّمٌ	Bapa adalah <i>guru</i> .

Kata nama (قَلَمٌ) adalah ja:mid/beku kerana ianya tidak diambil dari mana-mana kata nama asalnya, manakala kata nama (مُعَلِّمٌ) pula adalah terbitan dari kata kerja (عَلَّمَ).

b-Khabar al-Jumlat (خَبْرُ الْجُمْلَةِ)/Predikat Bentuk Ayat

Khabar bentuk ayat yang wujud dalam struktur ayat bahasa Arab adalah terbentuk daripada al-Jumlat al-Ismiyyat (خَبْرُ الْجُمْلَةِ الْأِسْمِيَّةِ)/Ayat Namaan yang didahului khabarnya kata nama (الاسْمُ) dan juga al-Jumlat al-Fi'liyyat (خَبْرُ الْجُمْلَةِ الْفِعْلِيَّةِ)/Ayat Kerjaan yang dimulai dengan kata kerja (الْفِعْلُ).

Contoh :

Mubtada‘	Khabar	Makna
المُعَلِّمُ	ابْنُهُ مُجْتَهِدٌ	Guru itu <i>anaknya rajin</i>

المُعَلِّمُ	يُعَلِّمُ طُلَّابَهُ	Guru itu mengajar pelajarannya
-------------	----------------------	--------------------------------

Di dalam contoh di atas, khabar yang pertama adalah gabungan dua kata nama (ابْنُهُ) dan (مُحْتَنَهُ). Maka khabar gabungan tersebut dinamakan khabar al-Jumlat al-Ismiyyat iaitu gabungan Ayat Namaan. Di dalam contoh kedua, khabar dimulakan dengan kata kerja (يُعَلِّمُ) bersama dengan kata Ganti Nama Tersembunyi (مُسْتَتِرٌ) yang menjadi pelaku dan kata penyambut atau objek (طُلَّابُهُ). Gabungan ini disebut sebagai al-Jumlat al-Fi'liyyat iaitu predikat gabungan Ayat Kerjaan.

c-Khabar Shibhu al-Jumlat (خَبْرٌ شِبْهُ الْجُمْلَةِ)/Predikat Separa Ayat

Di dalam bahasa Arab, terdapat juga khabar dalam bentuk separa ayat. Ia adalah terdiri daripada partikel jarr (حُرُوفُ الْجَرِّ) dengan kata nama genatif (الْمَجْرُور) atau kata adverb (الظَّرْفُ) dengan kata nama lainnya.

Contoh :

Mubtada‘	Khabar	Makna
المُعَلِّمُ	فِي الْفَصْلِ	Guru itu <i>di dalam kelas</i>
الْقِطُّ	تَحْتَ الْمَكْتَبَةِ	Kucing itu <i>di bawah meja</i>

Contoh di atas menunjukkan khabar adalah terdiri daripada kata partikel jarr seperti

dalam contoh (فِي الْفَصْلِ) dan juga kata adverb (تَحْتَ الْمَكْتَبَةِ). Kedua-dua bentuk khabar ini dinamakan sebagai *bentuk separa ayat* (شِبْهُ الْجُمْلَةِ).

3.1.2.2 Ciri-ciri Khabar

Khabar di dalam struktur pembentukan ayat bahasa Arab mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya dengan pembentukan bahasa lain. Di antara ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut :

a-Ism al-Nakirah (اسْمُ النَّكِرَةِ)/Kata Nama Indifinit

Ism al-nakirah adalah di antara ciri-ciri yang didapati pada khabar dan tidak terdapat pada mubtada' kecuali dengan syarat-syarat tertentu. Kata nama yang *umum* ini menunjukkan kepada khabar, manakala kata nama yang merujuk kepada *khusus* ialah mubtada'.

Contoh :

Mubtada'	Khabar	Makna
المُعَلِّمُ	نَشِيطٌ	Guru itu <i>aktif</i> .

Contoh di atas menjelaskan bahawa kata (نَشِيطٌ) adalah khabar yang dibentuk dari ism al-nakirah/Kata Nama Indifinit yang memberi peranan sebagai keterangan dan pelengkap kepada kata nama (المُعَلِّمُ) yang menjadi mubtada' nya.

b-Bentuk Keterangan

Kewujudan khabar dalam struktur al-Jumlat al-Ismiyyat/Ayat Namaan dapat memberi keterangan tentang kedudukan muftada' dalam ayat dari aspek makna. Khabar yang dibentuk dengan menggunakan kata terbitan (مُشْتَقٌّ) dapat memberi makna terhadap sesuatu perkara itu sentiasa berterusan.

Contoh :

Muftada'	Khabar	Makna
المُعَلِّمُ	مُجْتَهِدٌ	Guru lelaki itu <i>rajin</i> .
المُعَلِّمَةُ	مُجْتَهِدَةٌ	Guru perempuan itu <i>rajin</i> .

Dari contoh di atas, perkataan (مُجْتَهِدٌ) dan (مُجْتَهِدَةٌ) adalah kata terbitan (مُشْتَقٌّ) yang berfungsi sebagai khabar atau pelengkap kepada muftada'. Ia memberikan makna bahawa muftada' itu (المُعَلِّمُ / المُعَلِّمَةُ) sentiasa berusaha berterusan dengan bersungguh-sungguh.

Begitu juga Kata Kerja Kala Kini (المُضَارِعُ) yang menjadi khabar dalam bentuk al-Jumlat al-Fi'liyyat/Ayat Kerjaan memberi makna terhadap sesuatu perkara itu berlaku secara berterusan dan sentiasa diperbaharui.

Contoh :

Muftada'	Khabar	Makna
المُعَلِّمُ	يُعَلِّمُ طُلَّابَهُ	Guru itu mengajar pelajarannya.

c-Pelengkap Bagi Ayat

Khabar adalah salah satu daripada unsur-unsur penting dalam pembentukan al-Jumlat al-Ismiyyat/Ayat Namaan di dalam struktur binaan ayat bahasa Arab. Ia berperanan sebagai pelengkap dalam struktur ayat berkenaan. Tanpa kewujudannya akan menjejaskan susunan perkataan dalam ayat dan tidak memberi makna tentang ayat berkenaan sebagaimana yang diterangkan sebelum ini berdasarkan contoh-contoh yang dijelaskan.

d-Al-Raf' (الرَّفْعُ)/Kasus Nominatif

Kasus nominatif merupakan satu tanda yang didapati pada perkataan-perkataan di dalam bahasa Arab. Ia juga dapat dilihat *secara nyata* (الظَّاهِرَةُ) di akhir perkataan atau *secara tak nyata* (المُقَدَّرَةُ) di akhir perkataan yang berada di tempat kasus nominatif. Khabar juga menerima kasus nominatif dalam dua keadaan iaitu kasus nominatif nyata (الظَّاهِرَةُ) dan kasus nominatif tak nyata (المُقَدَّرَةُ).

Contoh :

Mubtada'	Khabar	Makna
المُعَلِّمُ	مُجْتَهِدٌ	Guru itu <i>rajin</i> .
الطِّفْلُ	أَعْمَى	Kanak-kanak itu <i>buta</i> .
الطَّالِبُ	جَاءَ (هُوَ)	Pelajar itu <i>telah datang</i> .

Di dalam contoh di atas menunjukkan bahawa khabar menerima tanda kasus

nominatif secara nyata, iaitu al-dhammah (الضمة) pada perkataan (مُجْتَهَدٌ). Begitu juga khabar menerima kasus nominatif yang tak nyata sebagaimana contoh perkataan kedua (أَعْمَى). Khabar juga tidak boleh menerima kasus secara langsung dan hanya dianggap berada di *tempat kasus nominatif* (فِي مَحَلِّ الرَّفْعِ) berkenaan sahaja seperti pada perkataan (جَاءَ).

3.1.3 Kesimpulan

Mubtada' dan khabar di dalam struktur pembinaan ayat bahasa Arab yang dibincangkan ini mempunyai peranan dan keistimewaan masing-masing di dalam pembentukannya. Kedua-duanya sering lengkap-melengkapi antara satu sama yang lain untuk menghasilkan sebarang pengucapan itu dapat difahami dengan sempurna dan sampai maksudnya.

Sesuai pengucapan tidak akan dapat difahami dengan dengan jelas akan menyebabkan sebarang maklumat tidak dapat diterima dengan betul bahkan akan menimbulkan perselisihan dan perbalahan. Oleh itu, pembentukan ayat yang sempurna hasil daripada gabungan mubtada' dan khabar dapat menyampaikan maksud sebenar kepada pendengar.

3.2 Subjek Dan Predikat Dalam Bahasa Melayu

3.2.1 Pengertian Subjek

Za'ba (1965) menggunakan istilah "benda" bagi subjek. Istilah benda oleh Za'ba ialah "tentang apa yang diperkatakan" merupakan sorotan subjek dari segi makna. Subjek dalam Tatabahasa Dewan (1993) ialah konstituen dalam ayat yang terdiri daripada frasa nama yang menjadi judul (fokus) atau unsur yang diterangkan. Dikatakan juga bahawa unsur yang mengisi konstituen subjek ialah frasa nama sahaja. Pengertian ini merupakan analisis subjek

dari segi kelas kata yang mengisi fungsi subjek.

Subjek merupakan bahagian yang diterangkan dan merupakan isi pembicaraan. Sebagai contoh (Ali menangis), yang mana subjeknya ialah "Ali" dan ia menjadi bahagian yang diterangkan. Terdapat dua tempat yang diduduki oleh subjek, iaitu :

- i- *Subjek berada di posisi kiri predikat, iaitu sebelum predikat.* Predikat ini sama ada terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat
Dia anak Pak Abu	<i>Dia</i>	anak Pak Abu (frasa nama)
Anak itu bermain-main	<i>Anak itu</i>	bermain-main (frasa kerja)
Ain comel	<i>Ain</i>	comel (frasa.sifat)
Emak ke pasar	<i>Emak</i>	ke pasar (frasa sendi nama)

- ii- *Subjek berada di kanan predikat, iaitu selepas predikat.*

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat
Sudah berlangsung tiga jam mesyuarat itu.	<i>mesyuarat itu</i>	Sudah berlangsung tiga jam.
Dialah yang datang tadi.	<i>yang datang tadi</i>	Dialah.

Pengisian konstituen subjek pada umumnya ialah frasa nama. Frasa nama pengisi subjek boleh terdiri daripada :

1- *Kata nama sahaja* – iaitu ia berupa Kata Nama Khas, Kata Nama Am atau kata Ganti Nama.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat
Murad peniaga	<i>Murad (kata nama khas)</i>	peniaga.
Duit amat penting	<i>Duit (kata nama am)</i>	amat penting.
Ini beg saya	<i>Ini (kata Ganti Nama)</i>	beg saya.

2- *Kata nama yang diikuti oleh penerang* yang terdiri daripada kata nama, kata adjektif, kata kerja, frasa sendi nama atau klausa relatif.

Contoh :

Ayat	Subjek	Penerang	Predikat
Penulis buku itu Ali	<i>Penulis</i>	buku itu (k.nama)	Ali
Teknologi canggih memudahkan kerja	<i>Teknologi</i>	canggih (k. adjektif)	memudahkan kerja
Kemahiran belajar adalah penting	<i>Kemahiran</i>	belajar (k. kerja)	adalah penting
Jalan ke tempat itu sempit	<i>Jalan</i>	ke tempat itu (frasa sendi nama)	sempit
Pelajar yang baik senantiasa dihormati	<i>Pelajar</i>	yang baik (klausa relative)	senantiasa dihormati

Jika unsur sesuatu subjek itu panjang berbanding dengan unsur predikat, kata pemerinya *ialah* atau *adalah* sering digunakan bagi memisahkan antara subjek daripada predikat.

Contoh :

Ayat	Subjek	Pemerik	Predikat
Pak Mail penjual nasi lemak ialah jiran saya	<i>Pak Mail penjual nasi lemak</i>	ialah	jiran saya
Perkara yang perlu dilakukan sebelum peperiksaan adalah mengulangkaji pelajaran	<i>Perkara yang perlu dilakukan sebelum peperiksaan</i>	adalah	mengulangkaji pelajaran

Oleh yang demikian, subjek merupakan unsur utama ayat di samping kehadiran predikat untuk melengkapi sesuatu makna ayat yang diucapkan. Begitu juga subjek dan predikat merupakan inti klausa dan dapat dipertukarkan tempatnya, iaitu subjek boleh mendahului predikat atau predikat mendahului subjek.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat
Ahmad sangat baik <i>atau</i> sangat baik Ahmad	<i>Ahmad</i>	sangat baik

Berdasarkan contoh di atas menunjukkan bahawa subjek dan predikat boleh berubah kedudukannya.

3.2.2 Pengertian Predikat

Antara fungsi sintaksis yang terpenting ialah predikat. Lyons (1993:12) menyatakan bahawa predikat ialah bahagian ayat yang memperkatakan sesuatu tentang benda yang

dinamai oleh subjek itu.

Predikat adalah bahagian ayat yang memberikan keterangan atau penjelasan, atau menyebutkan sesuatu tentang subjek. Dalam hal ini, predikat ialah cerita (Za'ba,1965), iaitu fikiran yang khusus menyatakan sesuatu tentang subjek. Oleh sebab itu, predikat sering berada selepas subjek kerana menjadi bahagian yang menerangkan subjek (Nik Safiah et al.,1993). Oleh itu, subjek dan predikat merupakan inti klausa.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat
Ibrahim pensyarah Universiti Malaya	Ibrahim	<i>pensyarah Universiti Malaya</i>
Aishah sangat comel	Aishah	<i>sangat comel</i>
Baju itu di dalam laci	Baju itu	<i>di dalam laci</i>
Petani membajak sawah	Petani	<i>membajak tanah</i>

Daripada contoh di atas, kehadiran predikat adalah di belakang atau selepas subjek dan kewujudannya diperlukan bagi memberikan penjelasan tentang subjek. Predikat juga sering ditandai oleh penggunaan *ialah* atau *adalah*, yang secara pilihan boleh wujud di antara subjek dengan predikat.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat
Tinggi bangunan itu (ialah) enam tingkat	Tinggi bangunan itu	<i>enam tingkat</i>
Thailand (adalah) jiran Malaysia	Thailand	<i>jiran Malaysia</i>

Predikat juga hadir sebelum konstituen objek, pelengkap atau keterangan jika ada.

Oleh yang demikian, predikat memiliki hubungan dengan fungsi yang lain.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat	Catatan
Alat itu mengeluarkan bunyi	Alat itu	<i>mengeluarkan bunyi</i>	(bunyi) adalah objek
Ain menjadi guru	Ain	<i>menjadi guru</i>	(guru) adalah pelengkap
Ali datang dari sana	Ali	<i>datang dari sana</i>	(dari sana) adalah keterangan

Predikat di dalam bahasa Melayu boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat	Catatan
Fatimah pelajar sekolah itu	Fatimah	<i>pelajar sekolah itu</i>	predikat frasa nama
Mary sangat rajin	Mary	<i>sangat rajin</i>	predikat frasa adjektif
Abu sedang tidur	Ali	<i>sedang tidur</i>	predikat frasa kerja
Emak dari pasar	Emak	<i>dari pasar</i>	predikat frasa sendi nama

Kesukaran mengenal antara subjek dan predikat sering berlaku sekiranya subjek dan predikat itu mengandungi frasa nama. Dalam perkara ini, cara untuk membezakan subjek dan predikat adalah dengan meletakkan partikel *-lah*.

Contoh :

Ayat	Subjek	Predikat
Lelaki itu saudara Ali	Lelaki itu	<i>saudara Ali</i>
Lelaki itulah saudara Ali	Saudara Ali	<i>lelaki itulah</i>

Di dalam ayat pertama terdapat kesukaran mengenal antara subjek dan predikat. Ayat kedua pula ditambah *-lah* bagi menjelaskan ia adalah predikat tersebut.

3.2.3 Kesimpulan

Penjelasan di atas menjelaskan konsep subjek dan predikat di dalam pembentukan dan pembinaan struktur ayat bahasa Melayu. Ini membuktikan bahawa di dalam pembentukan sesuatu ayat itu mestilah mengandungi dua rukun asas sebagai paksi utamanya iaitu subjek dan predikat. Manakala penambahan dari segi objek, pelengkap dan penerangan juga memainkan peranan penting untuk menjadikan sesuatu ayat itu lebih lengkap dan lebih sempurna serta dapat difahami oleh pendengar.